

Pembangking Memfitnah Kerajaan Mengenai Isu MH370 - Tengku Adnan Bernama
11 Apr, 2014

PUTRAJAYA, 11 April (Bernama) -- Rakyat diminta tidak terpedaya dengan dakwah pembangking berhubung isu kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata pembangking telah melontarkan pelbagai fitnah termasuk membuat spekulasi tidak berasas terhadap kerajaan dalam mengendalikan isu MH370.

"Perbuatan ini akan mengucar-kacirkan negara dan pada masa sama mencemarkan nama baik Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak," katanya pada perasmian surau Al-Falah di Presint 9, di sini, malam ini.

Fitnah yang dilemparkan oleh pembangking itu merupakan perkara ditegah dalam ajaran Islam, jadi rakyat perlu melakukan penilaian, kata Ahli Parlimen Putrajaya itu.

Dalam pada itu, Tengku Adnan menasihati penduduk setempat tidak menyalahgunakan surau yang disediakan oleh pihak kerajaan di Presint 9 dan mengelakkan rumah ibadah itu digunakan untuk tujuan menyebarkan berita palsu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1030025>